

Headline	Bantuan PKS patut di bawah MED		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	07 Oct 2019	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	28	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	554 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,297
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,891



Bantuan PKS patut di bawah MED

KUALA LUMPUR: Bantuan kerajaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) patut diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk membolehkan pemantauan berterusan dilakukan terhadap prestasinya.

Presiden Persatuan PKS Malaysia, Datuk Michael Kang Hua Keong berkata ini akan membolehkan PKS Malaysia mencapai tahap yang lebih tinggi.

"Inilah bagaimana ia dilakukan di Korea Selatan, di bawah Kementerian PKS dan Syarikat Pemula Niaga di negara itu.

"Matlamat utama adalah untuk mengukuhkan daya saing dan menyokong inovasi oleh perusahaan mikro dan PKS, dan berkisar mengenai dasar-dasar kerajaan dalam menggalakkan pertumbuhan perniagaan, memajukan syarikat pemula niaga dan menyokong perusahaan mikro," katanya kepada Bernama.

Dengan menjadikannya sebagai pusat, kerajaan dapat dengan mudah melancarkan program untuk membantu sektor PKS yang berbeza dan memantau hasilnya, katanya.

Sementara itu, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank Malaysia Bhd (SME Bank), Aria Putera Ismail, berkata usahawan perlu mengambil bahagian dalam program bimbingan dan latihan keusahawanan untuk memastikan kemampuhan perniagaan mereka.

"Mereka harus menjalankan penyelidikan untuk memahami keperluan pasaran, untuk mengetahui pesaing dan selaras dengan trend semasa.

"Banyak perniagaan yang berjaya meneruskan perniagaan mereka kerana pemiliknya men-

jalankan penyelidikan pasaran secara tetap," katanya.

Aria berkata pengurusan kewangan juga merupakan satu daripada tanggungjawab PKS yang paling penting kerana kebanyakan syarikat mengalami kerugian dan aliran tunai negatif semasa tempoh permulaan perniagaan mereka.

"Pengurusan kewangan adalah tentang mencari sumber dana yang sepatutnya dengan kos paling rendah, mengawal modal syarikat dan tidak membiarkan imbalan lebaran menjadi terlalu tinggi dengan hutang yang akan memberi kesan buruk terhadap penarafan kreditnya," katanya.

Mengenai transformasi PKS berdasarkan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0), Aria berkata Platform Digital PKS Kebangsaan - inisiatif dipelopori SME Bank - bertujuan merevolusikan cara usahawan PKS disokong dan dibangunkan.

"Akses kepada isu pembiayaan akan ditangani melalui inisiatif ScoreXcess, satu daripada komponen Platform Digital PKS Kebangsaan.

"Ia akan diselaras dan mengagihkan dana dan pembiayaan yang disediakan oleh agensi kerajaan," kata Aria.

Pada 25 Sept, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengemukakan harapannya dalam Belanjawan 2020 kepada kerajaan, meminta kerajaan memperuntukkan lebih banyak dana untuk PKS untuk meningkatkan pembabit sektor itu dalam IR 4.0.

Ketika ini, majoriti PKS menghadapi cabaran yang menghalang mereka untuk melaksanakan penerapan IR 4.0, seperti kekura-



TIMBALAN Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Mohd Anis Mohd Yasin (tengah) membunyikan 'hon' menandakan bermulanya jualan 'happy hour' ketika hadir merasmikan Jelajah Promosi Produk Segar Pertanian Ladang Kontrak di pusat membeli-belah Mega Mall, hari ini. Program diadakan bagi mempromosikan produk hasil daripada program ladang kontrak kepada pengguna dengan tawaran harga lebih murah daripada harga pasaran dan produk berkualiti. • FotoBERNAMA

ngan bakat, pengetahuan, kestabilan kewangan dan sumber yang sesuai, kata Kang.

"Oleh itu, adalah penting bahawa kerajaan kita mengenal pasti keperluan ini dan memenuhinya untuk mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi," katanya.

Sumbangan PKS kepada keluaran dalam negara kasar negara berkembang sebanyak 38.3 peratus kepada RM521.7 juta pada 2018 daripada RM491.2 juta pada tahun sebelumnya.

Mengenai Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan pada 11 Oktober, Kang berkata Persatuan PKS berharap kerajaan akan me-

nubuhkan institut pinjaman khas untuk membiayai perniagaan PKS dan syarikat pemula niaga.

"PKS masih memerlukan bantuan kewangan daripada kerajaan seperti pinjaman tanpa cagaran dan kadar faedah rendah antara dua hingga empat peratus.

"Bank perdagangan dan syarikat swasta tidak akan dapat melakukan itu untuk membantu PKS, oleh itu kita memerlukan kerajaan untuk melakukannya," katanya.

Kang juga menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan memberi insentif cukai khas untuk PKS untuk pelaburan dan membantu mereka menceburi ekonomi

digital.

Sementara itu, SME Bank menjangkakan kerajaan akan meneruskan usahanya untuk mewujudkan dana dan program strategik untuk kumpulan fokus khusus, termasuk syarikat pemula niaga.

"Ini akan membantu meningkatkan jumlah usahawan tempatan yang berjaya, terutamanya daripada kumpulan B40, dan untuk membangun dan menggalakkan sektor-sektor strategik utama dalam pembangunan sosio-ekonomi keseluruhan agar negara menjadi negara keusahawanan sebenar menjelang 2030," kata Aria. — Bernama